

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Kemalangan Diri Perjalanan Berkumpulan UOB Lady's Solitaire?

Kemalangan Diri Perjalanan Berkumpulan UOB Lady's Solitaire memberi pampasan atau bayaran balik kepada Orang Diinsuranskan bagi kematian akibat kemalangan atau hilang upaya kekal, serta perbelanjaan kesulitan perjalanan yang ditanggung seperti dinyatakan di jadual polisi apabila melakukan perjalanan di luar Negara Kediaman.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Polisi ini melindungi:

Manfaat- Manfaat	Jumlah Perlindungan per individu (RM)
Bahagian A – Kemalangan Diri	
Kemalangan Diri & Hilang Upaya Kekal - Pemegang kad utama / pemegang kad tambahan / Pasangan (Suami Isteri) - Anak - Anak	Sehingga RM500,000 Sehingga RM50,000 (10% daripada Jumlah Perlindungan)
Had Kawasan Geografi	Seluruh Dunia
Had setiap Pengangkutan	RM30,000,000
Bahagian B – Kesulitan Perjalanan	
Kelewatan Penerbangan / Terlepas Sambungan Penerbangan (6 jam) Individu / Pasangan (Suami Isteri) / Anak-Anak	Sehingga RM1,000 (Secara agregat bagi mana-mana Satu Keluarga)
Kelewatan Bagasi (6 jam)	Termasuk
Kehilangan Bagasi (48 jam)	Sehingga RM2,000 (Secara agregat bagi mana-mana Satu Keluarga)
Had Kawasan Geografi	Seluruh Dunia

Polisi ini **tidak melindungi**:

Kehilangan akibat

- peperangan
- tugas ketenteraan
- bunuh diri
- sukan tertentu
- penerbangan (kecuali penumpang yang membayar tambang)
- perbuatan melanggar undang-undang
- menunggang/memandu tanpa lesen yang sah
- kemabukan
- tindak balas nuklear
- penyakit kelamin
- keadaan kongenital
- keadaan geriatrik/psikiatri
- keadaan berkaitan kehamilan
- akupunktur
- keadaan perubahan sedia ada
- penyakit tidak berjangkit
- penyakit
- jangkitan bakteria/virus (kecuali kes tertentu)
- perjalanan yang bertentangan dengan nasihat perubahan
- tuntutan yang boleh dibayar/ditanggung di bawah insurans lain
- kecederaan/penyakit selepas 30 hari perjalanan
- keadaan berkaitan HIV/AIDS
- serta kerugian/perbelanjaan berkaitan Cuba atau entiti yang ditetapkan yang melanggar sekatan atau peraturan perdagangan

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Sila rujuk kontrak polisi untuk melihat keseluruhan maklumat polisi ini.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 8121



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans ini berdasarkan ilustrasi, anda mesti membayar premium berikut:

Faedah dan perlindungan yang disediakan di sini adalah di bawah polisi induk yang diambil oleh bank pengeluar kad kredit untuk manfaat setiap pemegang kad, dan premium dibayar oleh United Overseas Bank (Malaysia) Berhad.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti Setem	RM10.00 (Ditanggung oleh United Overseas Bank (Malaysia) Berhad)
Komisen	Tidak Berkenaan
Cukai Perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.

Nota: Ini adalah ilustrasi. Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada perlindungan polisi anda, tahap pendedahan risiko, serta kriteria pengunderaitan Liberty General Insurance Berhad.

4 Terma-Terma Utama Lain

- Kewajipan pendedahan: Anda mesti mendedahkan semua fakta material yang diketahui atau patut diketahui, yang akan menjejaskan pertimbangan pengunderaitan kami terhadap cadangan anda, seperti insurans dan sejarah kerugian anda. Anda mesti mendedahkan semua fakta yang relevan dengan jujur dan lengkap dalam borang permohonan insurans anda.
- Perubahan Risiko: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan material sepanjang tempoh polisi. Ini bagi memastikan pindaan yang diperlukan boleh dibuat dan didokumenkan dalam polisi insurans anda.
- Tuntutan: Anda mesti memaklumkan kepada kami tentang tuntutan dalam tempoh 14 hari selepas kejadian, atau secepat yang munasabah jika kelewatan tidak dapat dielakkan.
- Manfaat bagi perbelanjaan (seperti kos perubatan) dibayar atas dasar bayaran balik; jika anda mempunyai beberapa polisi, jumlah yang dibayar tidak akan melebihi kerugian sebenar.
- Untuk dilindungi dan menerima manfaat-manfaat di bawah Polisi Kemalangan Diri Perjalanan Luar Negara ini, Pemegang Kad/Ahli Kad mesti mengecaj tambang penuh bagi setiap perjalanan ke kad kredit yang disenaraikan dalam Polisi Induk. Perlindungan adalah tertakluk kepada semua terma dan syarat lain.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda digalakkan untuk merujuk polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Perlindungan di bawah polisi ini adalah di bawah polisi induk di mana United Overseas Bank (Malaysia) Berhad (UOB) ialah pemegang polisi yang membayar premium. Polisi ini hanya boleh dibatalkan oleh pemegang polisi. Pemegang polisi boleh membatalkan Polisi Induk ini pada bila-bila masa melalui notis bertulis yang diserahkan atau diposkan kepada Liberty General Insurance Berhad.
- Sebagai pemegang kad kredit individu, anda tidak boleh membatalkan polisi.